



01 FEB, 2024

Rampas 13,350kg ayam sejuk beku diseludup dari negara jiran

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Rampas 13,350kg ayam sejuk beku diseludup dari negara jiran

Kota Bharu: Sebanyak 13,350 kilogram (kg) ayam sejuk beku dipercayai diseludup dari negara jiran bernilai RM99,679.30 termasuk cukai dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Kampung Pulau Tebu, Jalan Kuala Krai di sini, kelmarin.

Pengarah JKDM Kelantan Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, semua ayam sejuk beku yang diragui status halal itu ditemui dalam dua lori yang ditinggalkan tanpa pemandu di tepi jalan.

Menurutnya, anggota JKDM membuat intipan selama dua minggu bagi mengesan kegiatan penyeludupan berkenaan selain turut mendapat maklumat sebelum melakukan serbuan terbabit.

“Modus operandi sindiket itu adalah dengan membawa ayam sejuk beku menggunakan sampan

melalui pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok sebelum dibawa menggunakan kenderaan ke destinasi seterusnya.

“Mereka dipercayai menggunakan kenderaan penumpang, lori atau van bagi membawa ayam sejuk beku untuk diedarkan bukan sahaja di pasaran tempatan malah di luar Kelantan juga.

“Semua ayam sejuk beku berkenaan dirampas dan disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967,” katanya di Pejabat Penguatkuasaan JKDM di sini, semalam.

Wan Jamal berkata, jika sabit kesalahan pelaku boleh dikenakan denda tidak kurang daripada 10 kali nilai barang atau RM50,000 yang mana lebih besar daripada dan tidak lebih daripada 20 kali nilai barang atau RM500,000.

“**Semua ayam sejuk beku yang diragui status halal itu ditemui dalam dua lori**”
Wan Jamal



WAN Jamal (kanan) bersama pegawai melihat sebahagian ayam sejuk beku yang dirampas di Kampung Pulau Tebu, semalam.



01 FEB, 2024

Rampas 13,350kg ayam sejuk beku diseludup dari negara jiran

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kota Bharu: Sebanyak 13,350 kilogram (kg) ayam sejuk beku dipercayai diseludup dari negara jiran bernilai RM99,679.30 termasuk cukai dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Kampung Pulau Tebu, Jalan Kuala Krai di sini, kelmarin. Pengarah JKDM Kelantan Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, semua ayam“

melalui pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok sebelum dibawa menggunakan kenderaan ke destinasi seterusnya.